

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai Maybank MAE.



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

09/12/2025

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga digalakkan untuk membacanya.**

Apakah Maybank MAE?

MAE ialah e-dompet yang ditawarkan oleh Maybank dan pengurus yang diberi kuasa, Maybank Islamic, yang boleh dibuka oleh pelanggan melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih Maybank tanpa perlu mengunjungi cawangan kami. Pelanggan boleh muka berurus niaga serta-merta selepas pendaftaran. Setiap pelanggan hanya boleh mempunyai satu MAE.

Pelanggan dinasihati untuk mendaftar e-dompet dengan menggunakan maklumat sebenar termasuk Nama (seperti yang tertera pada MyKad/Pasport), Nombor MyKad/Pasport, Nombor Mudah Alih, Alamat, Maklumat Pekerjaan dan Emel. Pelanggan dikehendaki melakukan dan lulus pengesahan e-KYC semasa proses pembukaan MAE.

Maybank berhak untuk menutup/membeku mana-mana MAE pada bila-bila masa jika apa-apa maklumat yang mencurigakan atau tidak benar dikesan. Untuk mengaktifkan semula MAE, pelanggan dikehendaki menjalani Usaha Wajar Pelanggan (Customer Due Diligence/CDD) di mana-mana cawangan kami untuk mengesahkan identity mereka.

Nota:

Maybank MAE tidak dilindungi oleh PIDM.

Konsep Syariah yang digunakan:

MAE ialah e-dompet yang akan dibuka bersama Maybank dan diuruskan oleh Maybank Islamic. Kontrak Syariah yang terpakai ialah **Wakalah**. Wakalah ialah sebuah kontrak agensi di mana anda melantik Maybank Islamic untuk bertindak sebagai ejen pembayaran anda untuk transaksi yang menggunakan MAE. Maybank Islamic akan pada setiap masa menjadi ejen bukan eksklusif kepada anda dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan di dalam MAE.

Anda hendaklah menggunakan MAE hanya bagi tujuan yang mematuhi prinsip Syariah sahaja. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian barangan, perkhidmatan, pembayaran bil atau QR, serta transaksi lain yang kami tetapkan dari semasa ke semasa.

Fahami Tanggungjawab Anda

1. Apakah yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini?

Fi & Caj	Amaun
Fi Tahunan Kad Debit Visa MAE	RM8
Fi Penggantian Kad	RM12
Fi Urusan di Kaunter	RM5 (dikecualikan sehingga maklumat lanjut)
Permintaan untuk penyata pendua	a) Dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyata Asal: RM1.00 setiap halaman tambahan RM10.00 setiap permintaan b) Lebih daripada 1 tahun dari Tarikh Penyata Asal: RM1.00 setiap halaman tambahan RM20.00 setiap permintaan

Nota: Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan jika terdapat apa-apa perubahan pada fi dan caj yang terpakai kepada MAE.

- Ambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk melindungi kad MAE anda, laporkan sebarang kehilangan atau ketidakselarasan dengan segera, dan pastikan butiran perhubungan anda sentiasa terkini.
- Anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya bagi mengelakkan pendedahan nama pengguna dan kata laluan anda kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan.

Ketahui Risiko Anda

Perkara	Akaun MAE	Berserta Kad Debit Visa MAE
Pendanaan Minimum	RM10.00 (pelanggan sedia ada)	Sama
Baki Maksimum	RM4,999.99	RM10,000.00
Had Transaksi Bulanan	RM5,000.00	RM10,000.00
Had Transaksi Tahunan	Tidak berkenaan	RM120,000.00

Terma Utama Lain

Apakah ciri-ciri produk ini?

- Akses kepada pelbagai ciri perbankan digital melalui aplikasi MAE, termasuk:
 - Tambah nilai / pendanaan
 - Meminta dan menghantar wang
 - Pembahagian bil
 - Tambah nilai prabayar mudah alih
 - Pembayaran QR and MyQR (pemindahan P2P)
 - Pembelian tiket penerbangan
- Pembayaran NFC melalui Samsung Pay (untuk peranti sesuai sahaja).
- e-Penyata disediakan setiap bulan (tiada penyata bercetak).
- Kill Switch – ciri keselamatan layan diri untuk menyahaktifkan akses aplikasi serta-merta dan melindungi dana daripada penipuan dalam talian.

***NOTA KEPADA HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

MAE disertakan dengan nombor akaun dan kad maya (untuk pelanggan baharu bank sahaja). **Tiada keuntungan akan diperoleh daripada akaun MAE ini.** Pelanggan juga boleh membuka akaun berfungsi penuh tambahan dengan mengunjungi mana-mana cawangan Maybank dan mendapatkan Kad Debit.

Untuk penerangan produk penuh mengenai Kad Debit Visa MAE, sila rujuk:

https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/cards/debit_cards/PDS_VisaDebit.pdf

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Maybank MAE, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300-88-6688/
03-78443696



Kunjungi kami di:
<https://www.maybank.com/islamic/en/deposits/savings/mae-i.page>



Emel kami di:
mgcc@maybank.com.my



Imbas kod QR di
atas